



KERAJAAN MALAYSIA

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia
(Malaysian Public Sector Accounting Standards)

Prakata kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam
Malaysia

November 2023

**PRAKATA KEPADA PIAWAIAN PERAKAUNAN SEKTOR AWAM
MALAYSIA**

Prakata kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia diterbitkan pada November 2023.

Disediakan oleh:

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

No. 1, Persiaran Perdana

Kompleks Kementerian Kewangan

Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62594 Putrajaya

Tel : 03-88821000

Faks : 03-88821765

Web: <http://www.anm.gov.my>

**PRAKATA KEPADA PIAWAIAN PERAKAUNAN
SEKTOR AWAM MALAYSIA**

KANDUNGAN

	Perenggan
Pengenalan	1-2
Objektif Jabatan Akauntan Negara Malaysia.....	3-4
Struktur Tadbir Urus	5-7
Skop dan Kuasa Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)	8-18
Skop Piawaian	9-12
MPSAS untuk Asas Akruan	13
Perubahan daripada Asas Tunai kepada Asas Akruan	14-15
Kuasa Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia	16-18

PRAKATA KEPADA PIAWAIAN PERAKAUNAN SEKTOR AWAM MALAYSIA

Pengenalan

1. Prakata kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) ini menjelaskan peranan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dalam menerbitkan MPSAS dan menerangkan skop dan kuasa MPSAS. Prakata seharusnya digunakan sebagai rujukan untuk mentafsir Draf Dedahan, Garis Panduan Amalan Disyorkan (*Recommended Practice Guidelines*, RPG) dan Piawaian yang dibangunkan dan diterbitkan oleh JANM.
2. JANM telah mewujudkan struktur tadbir urus yang bertanggungjawab untuk pembangunan, penerimaan pakai dan pelaksanaan piawaian perakaunan akruan yang berkualiti tinggi sebagai panduan kepada sektor awam.

Objektif Jabatan Akauntan Negara Malaysia

3. Salah satu objektif utama JANM adalah untuk meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan awam dengan membangunkan piawaian perakaunan yang berkualiti tinggi untuk digunakan oleh entiti sektor awam di Malaysia dalam penyediaan penyata kewangan untuk tujuan umum.
4. Dalam usaha mencapai objektif ini, JANM menyokong adaptasi piawaian perakaunan nasional dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (*International Public Sector Accounting Standards*, IPSAS) yang diterbitkan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (*International Federation of Accountants*, IFAC) mengikut kesesuaian dan juga menggalakkan penerimaan piawaiannya.

Struktur Tadbir Urus

5. JANM telah diberi tanggungjawab untuk menjadi pemacu utama bagi pelaksanaan perakaunan akruan dalam sektor awam yang merangkumi pembangunan dasar dan piawaian perakaunan.
6. Justeru, JANM telah menubuhkan dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Penasihat Piawaian Perakaunan Kerajaan (*Government Accounting Standards Advisory Committee*, GASAC) dan Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan (JKPPA) untuk menyelia, mengesahkan dan meluluskan pembangunan, penerimaan pakai dan pelaksanaan MPSAS.
7. GASAC diketuai oleh Timbalan Akauntan Negara Malaysia dan keahliannya terdiri daripada wakil JANM, Perbendaharaan Negeri, Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Audit Negara Malaysia, Institusi Pengajian Tinggi, Institut Akauntan Malaysia (*Malaysian Institute of Accountants*, MIA), Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board*, MASB), badan perakaunan profesional, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun. JKPPA bertanggungjawab untuk meluluskan MPSAS yang telah dibincang dan disahkan di mesyuarat GASAC. JKPPA diketuai oleh Akauntan Negara Malaysia (ANM) dan keahliannya terdiri daripada Pengarah Bahagian JANM dan Ketua Akauntan di kementerian Persekutuan.

Skop dan Kuasa Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia

8. JANM membangun dan mengeluarkan penerbitan berikut:
- MPSAS sebagai piawaian yang akan diguna pakai dalam penyediaan laporan kewangan tujuan umum bagi entiti sektor awam.
 - RPG memberi panduan berkaitan amalan baik yang digalakkan untuk diikuti oleh entiti sektor awam.

Skop Piawaian

9. JANM membangun MPSAS yang diguna pakai pada asas perakaunan akruan dan menetapkan keperluan yang berkaitan dengan urus niaga dan peristiwa lain dalam laporan kewangan tujuan umum. Laporan kewangan tujuan umum adalah laporan kewangan yang bertujuan untuk memenuhi keperluan maklumat oleh pengguna yang tidak boleh menghendaki memenuhi penyediaan laporan kewangan yang disesuaikan untuk memenuhi keperluan maklumatnya yang spesifik.
10. MPSAS direka bentuk untuk digunakan oleh entiti sektor awam¹ yang memenuhi semua kriteria berikut:
- (a) Bertanggungjawab untuk penyampaian perkhidmatan² untuk memberi manfaat kepada awam dan/atau untuk mengagihkan semula pendapatan dan kekayaan;
 - (b) Terutamanya untuk membiayai aktiviti mereka, secara langsung atau tidak langsung, melalui cukai dan/atau pemindahan daripada peringkat kerajaan lain, sumbangan sosial, hutang atau yuran; dan
 - (c) Tidak mempunyai objektif utama untuk membuat keuntungan.
- 10A. MPSAS direka bentuk untuk diguna pakai pada laporan kewangan tujuan umum semua entiti sektor awam selain daripada entiti sektor awam komersial. Entiti sektor awam merangkumi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan, melainkan dinyatakan sebaliknya. Walau bagaimanapun, jika entiti sektor awam dikehendaki oleh undang-undang untuk mengguna pakai piawaian selain MPSAS, keperluan mandatori undang-undang tersebut hendaklah diguna pakai.
11. Apa-apa had penggunaan MPSAS yang tertentu telah dinyatakan secara jelas dalam piawaian tersebut. MPSAS tidak dimaksudkan untuk diguna pakai pada item yang tidak material.

¹ Perenggan 1.8 dalam *The Conceptual Framework for General Purpose Financial Reporting by Public Sector Entities* yang diterbitkan oleh IPSASB bagi mengenal pasti pelbagai jenis entiti sektor awam.

² Penyampaian perkhidmatan merangkumi barangan, perkhidmatan dan nasihat berkaitan dasar, termasuk kepada entiti sektor awam yang lain.

12. JANM telah menerima pakai dasar bahawa semua perenggan dalam MPSAS hendaklah mempunyai kuasa yang sama. Perenggan yang berhuruf tebal menunjukkan prinsip utama manakala perenggan yang bukan berhuruf tebal adalah penjelasan dan contoh prinsip utama. MPSAS secara individu hendaklah dibaca dalam konteks objektif yang dinyatakan dalam MPSAS tersebut dan Prakata ini.

MPSAS untuk Asas Akruan

13. JANM membangun dan mengeluarkan MPSAS berasaskan IPSAS yang diterbitkan oleh IFAC dan digunakan dengan kebenaran IFAC. Oleh itu, MPSAS diadaptasi daripada IPSAS. Dalam melaksanakan proses itu, JANM perlu mengekalkan sebahagian besar pengolahan perakaunan dan teks asal IPSAS melainkan terdapat isu sektor awam yang signifikan dan perundangan tempatan yang memerlukan penyimpangan.

Perubahan daripada Asas Tunai kepada Asas Akruan

14. JANM berusaha untuk memudahkan pematuhan MPSAS berasaskan akruan melalui penggunaan peruntukan peralihan dalam piawaian tertentu. Jika peruntukan peralihan wujud, peruntukan ini mungkin memberikan lebih masa kepada entiti untuk mematuhi sepenuhnya keperluan spesifik MPSAS berasaskan akruan atau memberikan pelepasan daripada keperluan tertentu apabila pertama kali mengguna pakai MPSAS.
15. Setelah memutuskan untuk menerima pakai perakaunan akruan mengikut MPSAS, peruntukan peralihan akan mengawal tempoh masa yang tersedia untuk melaksanakan proses peralihan. Apabila peruntukan peralihan tamat, entiti melaporkan sepenuhnya mengikut MPSAS berasaskan akruan.

Kuasa Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia

16. Di Malaysia terdapat pelbagai peraturan yang mengawal penerbitan laporan kewangan tujuan umum oleh entiti sektor awam. Peraturan ini mungkin dalam bentuk keperluan pelaporan berkanun, perintah dan arahan pelaporan kewangan.
17. JANM yakin bahawa penerimaan pakai MPSAS bersama-sama dengan pendedahan pematuhan peraturan ini, akan membawa kepada peningkatan signifikan dalam kualiti pelaporan kewangan tujuan umum oleh entiti sektor awam. Ini berkemungkinan akan memperkukuhkan pengurusan kewangan awam yang menjurus kepada penilaian yang lebih termaklum berkaitan keputusan peruntukan sumber yang dibuat oleh kerajaan, seterusnya meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti.
18. JANM amat menggalakkan penerimaan pakai MPSAS oleh semua entiti sektor awam kecuali entiti sektor awam komersial. Ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan ketelusan pelaporan kewangan sektor awam dengan menyediakan maklumat yang lebih baik dalam membuat keputusan serta pengurusan kewangan sektor awam ke arah mencapai peningkatan kualiti perkhidmatan awam.